



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 22 SEPTEMBER 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	'MERATA KEDAI CARI TAK JUMPA', LOKAL, HM-5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	SUKAR DAPAT BEKALAN BERAS TEMPATAN SEJAK SEBULAN LALU, LOKAL, HM-5	
3.	PEMBELI PULANG HAMPA, BERAS PUTIH TEMPATAN HABIS, DLM NEGERI, UM-34	
4.	BERAS TEMPATAN TETAP LARIS DI KELANTAN, DLM NEGERI, UM-34	
5.	PENGGUNA 'TERTEKAN' HARGA BERAS SIAM MENINGKAT, DLM NEGERI, UM-34	
6.	RATA-RATA PENIAGA SERAP KENAIKAN HARGA BERAS, DLM NEGERI, UM-32	
7.	TERUS OP JAMIN ATASI SEGERA ISU BEKALAN BERAS, NASIONAL, BH-4	
8.	'TIADA KEPERLUAN BABIT PIHAK BERKUASA', NASIONAL, BH-4	
9.	BERAS: DISOROK ATAU GANGGUAN RANTAIAN, DLM NEGERI, UM-MUKA HADAPAN	
10.	BERAS: DISOROK ATAU GANGGUAN RANTAIAN, DLM NEGERI, UM-3	
11.	JUALAN RAHMAT BERAS 'SEJUKKAN' HATI RAKYAT, DLM NEGERI, UM-2	
12.	BEI BERAS SIAM SECARA TIMBANG KILO, NASIONAL, SH-13	
13.	SUKAR JUMPA BERAS TEMPATAN, NASIONAL, SH-13	
14.	GUNA STOK PENIMBAL BERAS, NASIONAL, SH-12	
15.	PROGRAM AKAN DATANG HANYA LIBATKAN BERAS IMPORT, NASIONAL, SH-12	
16.	SELANGOR TAWAR BERAS HARGA ISTIMEWA, NASIONAL, SH-12	
17.	STOK DITAMBAH ELAK BERLAKU KEKECOHAN DI FAMA, LPP, NASIONAL, SH-12	
18.	'NO NEED TO PANIC-BUY RICE', NATION, NST-4	
19.	MINISTRIES TAKING STEOPS TO ADDRESS ISSUE, NATION, NST-4	
20.	MANY FACTORS AFFECTING LOCAL WHITE RICE SUPPLY, NATION, NST-4	
21.	RICE-ING TO THE OCCASION, NATION, THE STAR-11	
22.	LOCAL RICE SHORTAGE LINKED TO WHEATHER AND DISEASES, NATION, THE STAR-11	
23.	WE CAN TASTE THE DIFFERENCE, SAY RICE LOVERS, NATION, THE STAR-11	
24.	KERAJAAN BAGI JAMINAN SELESAI ISU KENAIKAN HARGA BARANG, WILAYAHKU-4	
25.	PENDUDUK PULANG HAMPA, BERAS TEMPATAN HABIS STOK, NEGARA, KOSMO-16	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
26.	LLP BAWA MASUK 10 TAN BPT KE PERLIS, NEGARA, KOSMO-16	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
27.	MB JAMIN BEKALAN BERAS DI SELANGOR MENCUKUPI, NASIONAL, BH-16	LAIN-LAIN
28.	UTAMAKAN LANGKAH STABILKAN HARGA, TAMBAH STOK BEKALAN BERAS, MINDA PEMBACA, BH-13	
29.	MB: RICE SUPPLY WILL BECOME STABLE BY END OF NEXT MONTH, CENTRAL, CHINA PRESS -C2	
30.	RELIAANCE ON IMPORTED RICE MIGHT AGGRAVATE FOOD CRISIS, NATION, CHINA PRESS -A3	
31.	INTEGRATED ENFORCEMENT UNDER OPS JAMIN TO CONTINUE TO ADDRESS RICE SHORTAGE, NATION, CHINA PRESS -A3	
32.	MAT SABU: ENFORCEMENT NEEDS TO BE RAMPED UP DUE TO SUPPLY ISSUE, NATION, CHINA PRESS -A3	
33.	700 TON LOCAL RICE TO BE DISTRIBUTED FROM TODAY, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU-A3	
34.	WHAT IS THE NEXT BIG RISE AFTER RICE?, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU-A17	
35.	MAT SABU: DEALERS AGREE TO SELL IMPORTED RICE TO RESTAURANTS AT WHOLESALE PRICE, NATION, SIN CHEW DAILY-4	
36.	NATIONAL RICE STOCKPILE WILL ONLY BE MOBILISED IF UNABLE TO RESTORE SUPPLY IN SHORT TERM, NATION, SIN CHEW DAILY-4	
37.	'OVERRELIANCE ON IMPORTED RICE CAN WORSEN FOOD SECURITY CRISIS' - FOMCA, NEWS, TAMIL MALAR- 1,13	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2023	HARIAN METRO	LOKAL	5



ORANG ramai beratur seawal jam tujuh pagi untuk membeli beras putih tempatan di PPK Pokok Sena.

Kepala Batas

Rata-rata penduduk sekitar daerah ini meluahkan kesukaran mendapatkan bekalan beras tempatan sejak dua minggu lalu.

Seorang pesara swasta, Idris Che Med, 65, berkata, dia pergi ke merata kedai runcit dan pasar raya di sini, untuk mendapatkan beras tempatan namun pelik apabila hanya beras import sahaja dijual.

Katanya, dia tidak mampu membeli beras import memandangkan kenaikan harga yang melambung

ISU KEKURANGAN BERAS PUTIH TEMPATAN

'Merata kedai cari tak jumpa'

tinggi apatah lagi memerlukan sekitar 20 kilogram (kg) beras sebulan bagi menampung kehidupan mereka sekeluarga.

"Di rumah saya ada tujuh penghuni termasuk dua cucu. Harga beras import pula mengalami kenaikan harga melampau. Malangnya beras tempatan sukar pula diperolehi," katanya ketika ditemui pada Program Jualan Beras Putih Tempatan di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pokok Sena, di sini, semalam.

Jelasnya, dia sanggup ke-

luar awal pagi dari rumahnya di Permatang Kerai Kecil, di sini, semata-mata untuk membeli beras tempatan pada program berkenaan.

"Program bermula jam 9 pagi tetapi saya sudah mula menunggu di PPK sejak jam 7.30 pagi.

"Rata-rata penduduk kampung di sini memang tidak mampu

membeli beras import apatah lagi jika memiliki jumlah keluarga yang ramai," katanya.

Sementara itu, penduduk, Ismail Isbak, 54, berkata, program jualan beras tempatan yang diadakan itu tepat pada masanya ketika rakyat amat memerlukan beras tempatan.

Pada program berkenaan, sebanyak 2,000 karpit beras 10kg berharga RM26 sekarpit habis dijual dalam masa tidak sampai dua jam.

"Ramai pembeli yang kebanyakan orang kampung bekerja sendiri merungut kerana sukar untuk membeli beras tempatan"



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2023	HARIAN METRO	LOKAL	5

Sukar dapat bekalan beras tempatan sejak sebulan lalu

Kota Bharu: Pembo-
rong dan peniaga di sekitar dae-
rah ini mendakwa mereka
sukar mendapatkan beka-
lan beras putih tempatan
sejak lebih sebulan lalu.

Pemilik kedai bo-
rong, Kimi
Md
Rowai,
33, ber-
kata kedainya hanya ada
bekalan beras import dan
harganya pula naik antara
RM6 hingga RM10 untuk
pek lima dan 10 kilogram.

"Saya sebagai pembo-
rong juga sudah membuat
tempahan untuk menda-
ptkan beras tempatan, na-
mun bekalan tidak sampai
kerana ia mungkin tidak
cukup atau tidak ada.

"Namun, beras import
tiada masalah bekalan dan
pembeli tidak ada pilihan
apabila mereka terpaksa
membeli bekalan beras ini
untuk keperluan keluarga,"
katanya ketika ditemui di
Kubang Keranji di Pasir
Tumbuh di sini, semalam.

Pemilik kedai runcit, Is-
mail Hassan, 63, berkata
sebagai peniaga dia terpak-
sa mengeluarkan modal
yang besar untuk membeli
beras yang dijual di kedai-

nya.

Katanya, sebelum ini dia
tiada masalah mendapat-
kan bekalan beras tempa-
tan, namun kini hanya ada
bekalan beras import dan
harganya juga melam-
bung.

"Ramai pembeli yang
kebanyakan
orang kampung
bekerja sendiri
merungut ke-
rana sukar untuk
membeli beras
tempatan.

"Na-
mun,

mereka tidak ada
pilihan kerana ter-
paksa juga beli beras
import yang harga-
nya kini tinggi sekali
gus membebankan
kewangan mere-
ka," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	34

Pembeli pulang hampa, beras putih tempatan habis

Oleh OTHMAN YAHAYA
utusannews@mediamula.com.my

SUNGAI PETANI: Orang ramai yang mengunjungi Pusat Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Bakar Arang pagi semalam, pulang hampa berikutan tiada jualan beras putih tempatan (BPT) seperti dijanjikan.

Difahamkan keadaan itu berlaku kerana FAMA telah kehabisan stok makanan ruji itu sebaik sahaja pelaksanaan Intervensi Pengedaran BPT dimulakan di pusat operasi itu.

Seorang pembeli yang datang dari Tikam Batu, Mohamad Jarjis Halim, 49, berkata, dia terkilan kerana terpaksa berhabis masa dan menempuh perjalanan jauh semata-mata untuk mendapatkan beras di outlet FAMA di sini.

"Saya keluar dari rumah pada pukul 8 pagi dengan harapan dapat membeli beras pada harga biasa yang ditawarkan pihak FAMA.

"Namun hampa apabila sampai di sini dimaklumkan oleh kakitangan FAMA yang bertugas bahawa tiada jualan beras kerana kehabisan stok," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Hamidah Sidek, 51, dari Taman Seri Astana dekat sini berkata, dia kesal kerana sepatutnya pemakluman awal perlu dibuat FAMA di dalam media sosial berkaitan ketiadaan proses jual beli beras putih di sini.

"Kalau masa pelancarannya



SEORANG kakitangan Pusat Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Bakar Arang Kedah di sisi pemakluman tiada jualan beras putih tempatan kerana kehabisan stok.

boleh diuar-uarkan di media sosial sebelum ini kenapa pembatalan jualan itu semalam tidak dibuat bagi mengelak kesulitan khususnya kepada pembeli yang datang dari jauh.

"Saya dan kawan-kawan yang datang terpaksa pulang hampa selepas hanya melihat makluman di pintu masuk pusat itu mengatakan tiada jualan beras putih kerana kehabisan stok," katanya.

Seorang penduduk daripada Flat Paya Nahu, Mohamad Halim Hanafiah, 48, berkata, dia menunggang motosikal sambil meredah hujan kerana ingin mendapatkan beras yang dijual di outlet FAMA di sini.

Tetapi sebaik sahaja tiba di pintu masuk, katanya, dia difahamkan oleh kakitangan bertugas bahawa tiada jualan beras seperti mana yang diumumkan kerana kehabisan stok.

"Sepatutnya FAMA lebih prihatin menangani masalah ini sejak awal bagi mengelak pembeli yang datang dari jauh dan pulang dengan tangan kosong," katanya.

Sementara itu, kakitangan yang bertugas memberitahu, stok bekalan beras putih yang diterima mereka tidak banyak dan telah habis sejak hari pertama jualan itu diadakan kelmarin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	34

Beras tempatan tetap laris di Kelantan

KOTA BHARU: Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kangkong menegaskan beras tempatan masih lagi mendapat tempat dalam kalangan penduduk di negeri ini walaupun ramai beranggapan beras seludup dari Thailand menjadi makanan ruji.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusinya, Datuk Aimi Jusoh berkata, perkara itu dapat dilihat apabila beras keluaran PPK Kangkong mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pengguna tempatan.

"Selaku salah satu pengeluar beras tempatan, saya lihat perka-

ra itu kurang tepat. Namun kita akui, penggunaan beras seludup dari Thailand ini sudah sehati dengan rakyat negeri ini.

"Hal ini kerana kedudukan Kelantan yang bersempadan dengan Thailand," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Aimi yang juga Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri memberitahu, setiap bulan PPK Kangkong menerima 200 tan padi untuk diproses menjadi beras bagi menampung permintaan pasaran di negeri ini.

Katanya, jumlah tersebut diterima secara berperingkat-

peringkat untuk memastikan rantai makanan itu sentiasa mencukupi.

Sementara itu Pengerusi PPK Semerak, Alias Mat Rani berkata, sudah tiba masanya kerajaan mengarahkan agensi pertanian membangunkan semula teknologi penanaman padi dengan pelbagai pendekatan dan kajian supaya kualiti beras negara setanding dengan Thailand.

Katanya, pada masa sama kempen mengguna beras tempatan perlu terus dipertingkatkan dalam meningkatkan pengeluaran seterusnya mengu-

rangkan kebergantungan terhadap beras luar negara.

Kelmarin *Utusan Malaysia* melaporkan, kira-kira 90 peratus atau 1.26 juta penduduk Kelantan makan beras yang diseludup dari Thailand kerana rasa makanan ruji itu didakwa lebih sedap selain aroma wangi berbanding beras tempatan.

Seminggu dianggarkan lebih 50,000 tan metrik beras Siam dibawa masuk ke negeri ini dan beras pelbagai jenama seperti Arnab, Angsa Emas, Mangga, Basikal dan Serindit mendapat permintaan tinggi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	34

Pengguna 'tertekan' harga beras Siam meningkat

KOTA BHARU: Kenaikan harga beras seludup dari Thailand antara RM2 hingga RM5 ketika ini menyebabkan rakyat negeri ini 'tertekan'.

Tinjauan mendapati, rata-rata pengguna mengeluh dengan kenaikan itu dan ada dalam kalangan mereka memilih mencampurkan beras Siam dengan tempatan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pengguna yang mahu dikenali sebagai Muhammad, 49, berkata, tindakan itu terpaksa diambil bagi meredakan bebanan yang dihadapi susulan peningkatan harga beras Siam ketika ini.

"Walaupun rasa nasi sedikit berubah apabila beras tempatan dan Siam dicampur, namun sekurang-kurangnya ia dapat membantu menjimatkan kos. Hal ini kerana harga beras tempatan tidak naik.

"Biasa saya akan beli kampak beras Siam seberat 10 kilogram (kg) dan akan mencampurkan dengan beras keluaran tempatan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang peniaga yang mahu dikenali sebagai Za, 40, berkata, walaupun berlaku kenaikan namun permintaan terhadap beras Siam adalah seperti biasa.

"Rata-rata pelanggan mengakui tertekan dengan kenaikan itu, namun mereka tetap membelinya kerana tidak mempunyai pilihan.

"Kata pembeli, beras Siam lebih berkualiti selain sudah sebatu dengan penggunaan sejak turun-temurun," katanya.

Za berkata, ketika ini harga sekampak beras 5kg dijual RM19 berbanding harga sebelumnya, RM17.

"Untuk 25kg harga hari ini RM90 manakala sebelumnya RM83. Ia bergantung kepada jenama," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Rata-rata peniaga serap kenaikan harga beras

Oleh **AMRAN MULUP**
utusannews@mediamulia.com.my

MELAKA: Kebanyakan peniaga restoran di Plaza Mahkota, Banda Hilir dekat sini masih mengekalkan harga lama nasi putih RM2 hingga RM2.50 sepinggan di sebalik kenaikan harga beras import.

Mereka menyifatkan kenaikan harga beras import antara RM4 hingga RM5 untuk 10 kilogram (kg) tidak membebaskan sehingga terpaksa menaikkan harga nasi putih sepinggan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, kebanyakan restoran di kawasan tumpuan pelancong ini masih mengekalkan harga nasi putih antara RM2 hingga RM2.50 sepinggan.

Pengusaha restoran 35, Norhayati Baharom, 48, berkata, tiada sebarang kenaikan harga nasi putih setakat ini walaupun harga beras import yang naik dari RM32 kepada RM36.60 untuk 10kg.

"Setakat ini saya tidak bercadang nak naikan harga nasi putih, biarlah kekal dengan harga RM2 sepinggan. Walaupun harga beras import yang dibeli naik RM4 tetapi



PELANGGAN tidak merungut berikutan tiada kenaikan nasi putih di beberapa restoran di Plaza Mahkota, Banda Hilir, Melaka. - **UTUSAN/AMRAN MULUP**

kenaikan harga itu tidak membebaskan hingga memaksa saya terpaksa naikan harga nasi putih.

"Jika beras import mengalami kenaikan hingga mencecah RM8 untuk 10kg, ada kemungkinan saya cadang nak naikan nasi putih kepada RM2.50 sepinggan," katanya di sini semalam.

Bagi pemilik Restoran Asam Pedas Hajjah Ruhana, Hashim Mohd., 69, pula, nasi putih di

premisnya kekal dengan harga yang sama iaitu RM2 sepinggan.

"Memang benar beras import yang saya gunakan naik dari RM31 kepada RM36 tetapi ini tidak menyebabkan perlunya harga nasi putih dinaikkan.

"Saya rasa setakat ini harga RM2 adalah memadai dan saya harap beras import tidak mengalami kenaikan lagi selepas ini," ujarnya.

22/9/2023

BERITA
HARIAN

NASIONAL

4

Terus Op Jamin atasi segera isu bekalan beras

Putrajaya: Penguatkuasaan bersepadu melalui Op Jamin akan diteruskan supaya kekurangan bekalan beras negara dapat diatasi segera dan dipulihkan, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Op Jamin yang bermula 7 Julai lalu melakukan 37 pemeriksaan, membabitkan 2,322 kilang, premis borong dan runcit di seluruh negara, dengan 142 aduan diterima membabitkan isu bekalan serta harga beras.

"Antara aduan banyak diterima berkaitan jurang harga yang sangat tinggi antara beras putih tempatan (BPT) dan beras putih import (BPI).

"Ini menyebabkan peniaga dan pengusaha kedai makanan beralih kepada BPT sebagai pilihan beras yang murah hingga menyebabkan bekalan BPT kurang di pasaran, lebih-lebih lagi di Sabah, Sarawak dan Labuan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan selepas memperkerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) di sini, semalam.

Pada 7 Julai lalu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bekerjasama bagi menjalankan Op Jamin bertujuan menguat kuasa dan memantau bekalan beras di seluruh negara.

Ahmad Zahid berkata, pada mesyuarat itu, beliau turut berpandangan bahawa stok penimbunan beras negara hanya perlu digunakan bersama stok beras semasa sekiranya situasi bekalan beras dalam negara tidak dapat dipulihkan dalam masa terdekat.

"Saya juga menegaskan agar

gerakan bersepadu rentas Kementerian terus dilaksanakan, khususnya Jalan Rahmah, Jalan Agro MADANI dan MyGrocet@Wilayah dan diperluas pada peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) serta Parlimen di setiap negeri," katanya.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, pelbagai inisiatif dan program bagi memastikan ketersediaan dan keberadaan beras tempatan dijalankan kerajaan, antaranya Program Khas BPT yang menyaksikan unjuran tambahan BPT sebulan 23,000 tan.

Katanya, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (KAMPA) dan FELCRA pula diberi tanggungjawab membekalkan beras di kawasan mengalami gangguan dan melancarkan talian hotline untuk pengguna melaporkan isu, masalah berkaitan bekalan serta penyelewengan beras.

Bekalan ayam, telur

Mengenai bekalan ayam dan telur ayam, Ahmad Zahid berkata, KPKM sudah diarah supaya jaminan terus diberikan bagi ketersediaan bekalan dan kestabilan harga ayam dan telur ayam pada peringkat ladang untuk memastikan keberadaan bekalan itu pada peringkat borong serta runcit.

"KPDN juga akan memastikan kekerapan pemantauan penguatkuasaan terhadap harga dan bekalan sepanjang masa," katanya.

Menertusi mesyuarat itu juga, beliau turut mencadangkan semua agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), khususnya Lembaga Kemajuan Wilayah untuk memulakan penanaman kekacang (legum) bagi mengurangkan kos import makanan ayam.

BERNAMA



Ahmad Zahid mempengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Majlis Tindakan Sara Hidup di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	4

'Tiada keperluan babit pihak berkuasa'

Shah Alam: Hasrat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang mahu mendapatkan perluasan kuasa dalam penguatkuasaan isu bekalan beras perlu dibawa ke peringkat seterusnya, termasuk membabitkan pihak berkuasa berkaitan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata tiada keperluan untuk melaksanakannya buat masa ini dan perkara itu hanya sesuai diadakan jika bekalan barang makanan berkenaan berada pada tahap meruncing.

"Kalau sampai ke peringkat

Syor penguat kuasa KPDN bantu tangani isu beras



Keratan akhbar BH kelmarin.

meruncing, barangkali kita akan babitkan juga Polis Diraja Malaysia (PDRM). Namun, ketika ini belum sampai meruncing.

"Tapi insya-Allah, apabila berlaku tuaian padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang sekarang ini lebih

20 peratus, kita jangka bekalan beras tempatan akan berada dalam pasaran dengan sebaiknya," katanya selepas melihat intervensi pengedaran beras putih tempatan di sebuah kedai runcit di Jalan Kebun Seksyen 30 semalam.

Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali sebelum ini dilaporkan berkata beliau berharap Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dapat menimbangkan supaya penguat kuasa KPDN diberikan perluasan kuasa berhubung isu bekalan beras itu.

BERNAMA

TARIKH	KOSMO	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	

Kerajaan guna stok penimbal dan semasa jika bekalan tidak pulih

Beras: Disorok atau gangguan rantai?

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**
dan **NURUL IRDINA SUMALI**
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan perlu merungkai 'misteri' di sebalik kekurangan bekalan beras

tempatan di seluruh negara ketika ini sama ada berpunca daripada kegiatan menyorok oleh pihak tertentu atau disebabkan masalah rantai pengedaran.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Bendahari Agung Gabu-

ngan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Nur Asyikin Aminuddin berkata, setakat ini, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup sendiri mengakui tiada bukti beras disorok.

Menurut beliau, ada kemungkinan wujud masalah sama ada di peringkat pengedar, pembekal atau pengeluar yang membawa kepada bekalan beras terganggu.

Bersambung di muka 3

TARIKH	KOSMO	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Beras: Disorok atau gangguan rantaian?

Dari muka 1

"Cuma, yang menjadi persoalan ialah kalau tiada isu sorok kenapa tiba-tiba boleh muncul isu kekurangan bekalan atau mengapa tiba-tiba ada gangguan dalam rantaian pengedaran antara pengilang, pemborong dan peruncit," katanya.

Semalam, Presiden Persatuan Pengguna Kedah (Cape), Mohd. Yusrizal Yusoff menyangkal dakwaan 'kehilangan' beras tempatan disebabkan pembelian panik sehingga menyebabkan bekalan kurang.

Tinjauan mereka di beberapa pasar raya sekitar Selangor juga mendapati kebanyakan stok beras tempatan hampir tiada dan hanya dipenuhi dengan beras import.

"Tinjauan pihak kami di Petaling Jaya, Selangor, 10 kedai yang kami pergi, hanya dua kedai yang ada stok beras tempatan termasuk di pasar raya besar dan kecil," katanya.

Asyikan turut menolak berlakunya pembelian panik dalam kalangan pengguna kerana jika bekalan beras tiada, bagaimana

na mahu membuat pembelian panik.

"Pembelian panik tidak berlaku secara tiba-tiba. Ke mana perginya 60 sehingga 70 peratus hasil berastempatan kita? Macam mana boleh hilang? soalnya.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang, Mohideen Abdul Kader berkata, tahun 1970, pengeluaran dalam negeri memenuhi 75 peratus permintaan beras negara tetapi kini hanya mampu mengeluarkan 60 hingga 65 peratus sahaja.

"Kebergantungan terhadap beras import semakin meningkat dan sangat membimbangkan. Ini menunjukkan Malaysia sedang menuju ke arah kebergantungan yang tinggi kepada beras import," katanya.

Abdul Kader berharap masalah kekurangan beras tempatan dapat diselesaikan dengan segera oleh pihak berwajib kerana ia memberi kesan buruk kepada Malaysia.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN/KSH) serta Kementerian Pertanian dan Ketahanan Makanan (KPKM) di-

minta selesaikan isu ini dengan segera bagi mengurangkan beban rakyat," katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dalam kenyataan berkata, kerajaan bakal mengambil langkah menggunakan Stok Penimbun Beras Negara bersama Stok Beras Semasa jika bekalan beras negara tidak dapat dipulihkan dalam jangka masa terdekat selepas pelbagai pendekatan dilakukan.

Menurut Ahmad Zahid, perkara itu dipersetujui menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Penantuaan Pelaksanaan Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) dipengerusikan beliau semalam.

Katanya, keberadaan beras tempatan di pasaran akan dipantau KPDN/KSH dan KPKM dengan mempergiatkan operasi penguatkuasaan menerusi Op Beras, OP Jamin dan OP Beras Putih Tempatan (OBPT) yang dimulakan 7 Julai lalu.

"Dalam Jualan Rahmah Beras yang sedang giat dijalankan, kerajaan memutuskan menggu- nakan Beras Putih Import (BPI) dijual dengan harga borong

(RM3,200 per tan metrik).

"Pelbagai inisiatif dan program bagi memastikan ketersediaan dan keberadaan beras tempatan antaranya Program Khas Beras Putih Tempatan dan dengan pelaksanaan ini terdapat unjuran tambahan Beras Putih Tempatan (BPT) sebulan sebanyak 23,000 tan metrik," kata beliau.

Ahmad Zahid berkata, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Penyatuan Dan Pemuliharaan Tanah Persekutuan (FELCRA) juga dipertanggungjawabkan untuk membekalkan beras di kawasan yang mengalami gangguan bekalan.

Katanya, ini termasuk melancarkan talian hotline bagi pengguna melaporkan isu dan masalah berkaitan bekalan serta penyelewengan.

Beliau berkata, KPDN/KSH dan KPKM menjalankan penguatkuasaan bersepadu dengan setakat ini sebanyak 37 siri pemeriksaan OP Jamin melibatkan 2,322 pemeriksaan ke atas premis kilang, borong dan run- cit dilakukan.

TARIKH	KOSMO	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

Jualan Rahmah Beras 'sejukkan' hati rakyat

JUALAN Rahmah membabitkan beras sejak Rabu lalu menggembirakan rakyat. Ramai lega dengan langkah kerajaan yang mengambil inisiatif tersebut.

Menerusi inisiatif tersebut, orang ramai yang panik melihat rak-rak tempat letak beras tempatan kosong secara tidak langsung dapat menikmati rasa beras import dengan harga murah RM13 hingga RM14 bagi kimpit lima kilogram.

Rakyat menaruh harapan program kemanusiaan itu diperluas dan diteruskan sebanyak mungkin sehingga bekalan beras tanpa mengira tempatan mahupun import kembali stabil.

Ini kerana arahan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu mengarahkan semua pengilang menyerahkan 20 peratus kuota padi masing-masing kepada Bernas untuk menstabilkan bekalan beras tidak memampakkan kesannya.

Kementerian kemudian mengumumkan isu beras akan selesai dalam tempoh sebulan lagi. Namun melihat kepada isu telur, ayam dan minyak peket dan kini sekali sekala berjangkit kepada gula, ramai ragu-ragu bagaimana masalah beras boleh diatasi? Ini kerana bekalan beras terjejas susulan India menghentikan eksport beras putihnya. Lebih parah jika Vietnam dan Thailand mengikut langkah India. Negara pengeluar beras menghentikan eksport susulan kemerosotan hasil padi yang didakwa berpunca daripada perubahan iklim.

Jadi dalam tempoh sebulan, bagaimana bekalan beras boleh ditambah? Dari mana kerajaan mahu beli? Mengikut unjuran Malaysia ketika ini mempunyai stok bekalan beras 900,000 tan iaitu 250,000 tan stok penimbal dan 650,000 tan bagi stok dagangan.

Bekalan tersebut dikatakan mencukupi bagi menampung keperluan bagi tempoh empat hingga lima bulan akan datang.

Masalahnya kekurangan beras bukan perkara remeh kerana jika berterusan ia boleh menimbulkan huru-hara. Ini kerana beras makanan ruji dan isu beras sebenarnya lebih buruk berbanding rakyat terputus bekalan telur, ayam mahupun minyak masak bersubsidi. Ini kerana barang makanan lain paling kurang boleh diganti.

Oleh itu, di tengah-tengah kekalutan tersebut, nasib baik kerajaan menerusi idea Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub melaksanakan Jualan Rahmah Beras di kawasan parlimen di seluruh negara. Meskipun bekas Ahli Parlimen Pulau itu sudah tiada namun inisiatif tersebut terus memayungi rakyat.

Bukti inisiatif itu berkesan apabila jualan hari pertama di negeri seperti Negeri Sembilan, Terengganu, Pulau Pinang dan Melaka diserbu pemburu beras di negeri-negeri tersebut.

Dilaporkan semua bekalan beras untuk Jualan Rahmah licin dalam tiga jam. Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh memaklumkan harga diskaun membabitkan subsidi dengan peruntukan RM150 juta. Fuziah berharap Jualan Rahmah Beras sampai kepada kumpulan sasar terutama kalangan B40.

Berdasarkan sambutan tersebut, ramai mencadangkan kerajaan memperluaskan item jualan bawah payung Rahmah seperti telur, gandum dan ayam. Jika semua berlaku seperti diharapkan Kerajaan Perpaduan boleh menyejukkan sedikit hati rakyat yang tengah 'terbakar' dengan lambungan kos sara hidup. Dilaporkan ketika ini lebih separuh manusia atau menyamai 3.3 bilion orang membelanjakan wang lebih banyak untuk membayar hutang berbanding untuk kesihatan, pendidikan atau perlindungan sosial.

Teon Eg ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia

TARIKH	KOSMO	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	13

Beli beras Siam secara timbang kilo

Peningkatan harga menyebabkan ramai pelanggan beli dalam kuantiti sedikit

Oleh HAZELEN LIANA
KAMARUDIN
KOTA BHARU

Peningkatan harga beras Siam sejak nilai ringgit tidak menentu berbanding Bath Thailand menyebabkan orang ramai mula beralih kepada beli secara timbang.

Tinjauan *Sinar Harian* di Pasar Katerah dan Kok Lanas mendapati, rata-rata peniaga memberitahu jualan beras Siam secara timbang menjadi rebutan sejak akhir-akhir ini.

Situasi itu diakui sendiri oleh peniaga, Zakiah Muhamad, 42, yang mendedahkan sejak beras

Siam mengalami kenaikan harga orang ramai mula membeli makanan ruji itu sekitar sekilogram atau 2kg yang dijual dengan harga RM6 sekilogram.

"Sebelum ini saya jual sekilogram beras Siam RM4 sahaja tetapi sekarang dah naik lagi RM2.

"Bukan sahaja mahal tetapi bekalan juga sukar diperolehi. Di sini beras tempatan atau import biasa langsung tidak laku," katanya.

Ujar Zakiah yang sudah 18 tahun berniaga, jika sebelum ini beras Siam 5kg hanya dijual sekitar RM14 hingga RM15 sahaja namun beberapa bulan ini beras itu sudah mencecah sehingga RM21.

Bagi Norizati Zulkifli, 27, tidak semua pelanggan mampu membeli beras 5kg dengan harga sekarang yang hampir mencecah RM21.



NORIZATI



CHAI CHYE

"Boleh dikatakan pelanggan saya ramai yang bekerja kampung jadi duit RM50 itu mereka bukan sekadar ingin beli beras, tetapi bahan mentah lain seperti minyak masak, gula, bawang dan semua ini juga mengalami kenaikan harga.

"Apa yang menjadi masalah sekarang sudahlah harga 25 kilogram beras Siam sudah mencecah RM103 malah hendak dapatkan stok pun sukar," katanya.

Peniaga runcit di Kok Lanas, Chuah Chai Chye, 63, pula ber-



Zakiah mendedahkan semenjak beras Siam mengalami kenaikan harga orang ramai mula membeli makanan ruji itu sekitar sekilogram atau 2kg yang dijual dengan harga RM6 sekilogram.

kata, beras timbang kilo mendapat permintaan tinggi dan dia telah lama menjual dengan cara itu.

Baginya, orang ramai masih mampu membeli beras Siam 5kg

namun ada yang memilih membeli secara timbangan.

"Sekilogram RM5 atau RM4 sahaja bergantung pada jenama.

"Kalau beli 5kg, harga paling murah RM20," ujarnya.

TARIKH	KOSMO	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	13

Sukar jumpa beras tempatan

KOTA KINABALU - Tahap sara diri (SSL) beras tempatan yang hanya mencapai kurang 23 peratus punca Sabah kekurangan bekalan selepas ia mula menjadi pilihan rakyat negeri itu susulan kenaikan harga beras import.

Pengarah Kawal Selia Padi Dan Beras Sabah, Ab Alim Multazam berkata, mengikut data Pembayaran Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) di negeri ini pada 2022 hanya mencapai pengeluaran sebanyak 30,570 metrik tan padi untuk setahun dan sehingga Ogos lalu hanya 18,755 metrik tan padi berjaya dikeluarkan.

"Daripada jumlah rekod SSHP itu, semua padi yang diproses di 20 kilang di seluruh negeri ini hanya menampung untuk menghasilkan beras sebanyak 55 peratus.

"Apabila dibahagikan kepada 12 bulan, hanya 1,250 metrik tan sebulan kegunaan beras di Sabah berdasarkan lebih tiga juta rakyat di Sabah dan secara

peratusnya hanya 23 peratus pengeluaran beras tempatan di negeri ini.

"Jadi sebab itu beras tempatan Sabah sukar ditemui di pasaran," katanya.

Beliau berkata, susulan kenaikan harga beras import sejak tiga minggu lalu menyebabkan permintaan terhadap beras tempatan yang kini lebih murah meningkat di Sabah.

"Harganya murah sedikit iaitu sekitar RM35 hingga RM36 berbanding beras import ketika ini sekitar RM38 untuk 10 kilogram.

"Malah, beras tempatan Sabah mempunyai keistimewaannya sendiri dari segi kualiti dan permintaannya," katanya.

Tambah beliau, kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melaksanakan program Smart Sawah Bersekala Besar (Smart SBB) yang terbukti dapat meningkatkan hasil padi.



Ab Alim (kiri) ketika memantau operasi kilang memproses dan pembungkusan beras di Kota Kinabalu.

TARIKH	KOSMO	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

Guna stok penimbal beras

Jika situasi bekalan beras dalam negara tidak dapat dipulihkan dalam masa terdekat

PUTRAJAYA

Stok penimbal beras negara akan digunakan bersama stok beras semasa sekiranya situasi bekalan beras negara tidak dapat dipulihkan dalam jangka masa terdekat.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, penguatkuasaan bersepadu Op Jamin juga akan diteruskan agar kekurangan bekalan beras negara dapat diatasi segera dan dipulihkan.

Beliau berkata, Op Jamin yang bermula sejak 7 Julai lepas telah melakukan 37 pemeriksaan membabitkan 2,322 premis kilang, borong dan runcit di seluruh negara dengan 142 aduan diterima melibatkan isu bekalan serta harga beras.

"Antara aduan yang banyak diterima adalah berkaitan jurang harga sangat tinggi antara beras putih tempatan (BPT) dan beras putih import (BPI).

"Ini menyebabkan peniaga dan pengusaha kedai makanan beralih kepada BPT sebagai pilihan beras yang murah hingga menyebabkan bekalan kurang di pasaran, lebih-lebih lagi di Sabah, Sarawak dan

Labuan," katanya dalam kenyataan selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) di sini pada Khamis.

Pada 7 Julai lepas, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bekerjasama bagi menjalankan Op Jamin bertujuan menguat kuasa dan memantau bekalan beras di seluruh negara.

Pada mesyuarat itu, Ahmad Zahid turut menegaskan agar gerakan bersepadu rentas kementerian terus dilaksanakan khususnya Jualan Rahmah, Jualan Agro Madani dan MyGrocer@Wilayah dan diperluaskan di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) serta Parlimen setiap negeri.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, pelbagai inisiatif dan program bagi memastikan ketersediaan dan keberadaan beras tempatan telah dijalankan kerajaan antaranya Program Khas Beras Putih Tempatan yang menyaksikan unjuran tambahan BPT sebulan sebanyak 23,000 tan metrik.

Menurutnya, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemuliharaan Tanah Persekutuan (Felcra) juga telah dipertanggungjawabkan untuk membekalkan beras di kawasan yang

mengalami gangguan dan melancarkan talian hotline bagi pengguna melaporkan masalah berkaitan bekalan serta penyelewengan beras.

Mengenai bekalan ayam dan telur ayam, Ahmad Zahid berkata, KPKM telah diarah agar jaminan terus diberikan bagi ketersediaan bekalan dan kestabilan harga ayam dan telur ayam di peringkat ladang untuk memastikan keberadaan bekalan itu di peringkat borong serta runcit.

"KPDN juga akan memastikan kekerapan pemantauan penguatkuasaan terhadap harga dan bekalan sepanjang masa," katanya.

Menerusi mesyuarat itu juga, beliau turut mencadangkan semua agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) khususnya Lembaga Kemajuan

Wilayah untuk memulakan penanaman kekacang (legum) bagi mengurangkan kos import makanan ayam.

Menurutnya, cadangan berkenaan telah dibincangkan di Sabah dan Sarawak untuk tujuan penggunaan tanah negeri dan telah dipersetujui untuk mewujudkan jalinan kerjasama pintar KPKM bagi memastikan harga dan bekalan ayam sentiasa stabil.

Kerajaan mengumumkan telah membelanjakan kira-kira RM3.77 bilion untuk subsidi ayam dan telur ayam bagi memastikan bekalan dan harga ayam dan telur ayam kekal stabil bagi tempoh 2022 hingga 2023. - Bernama



AHMAD ZAHID

TARIKH	KOSMO	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

Program akan datang hanya melibatkan beras import

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan dan Kos Sara Hidup (KPDN) menegaskan Program Jualan Rahmah akan datang hanya melibatkan jualan beras import.

Menurut Pemangku Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd Ali, pihaknya akur dengan cadangan netizen agar beras tempatan dibekalkan ke pasar raya bagi memenuhi keperluan semasa.

"Ya, Program Jualan Rahmah (beras) berikutnya hanya beras import, bukan beras tempatan," katanya.

Sebelum ini, netizen mempertikaikan bagaimana agensi kerajaan dan pemimpin politik yang mengadakan Program Jualan Rahmah Beras boleh memiliki stok beras tempatan dalam kuantiti banyak sedangkan stok beras tempatan tiada di pasar raya.

Mereka berpandangan, sepatutnya stok beras tempatan itu dibekalkan ke pasar raya dan Program Jualan Rahmah Beras hanya melibatkan beras import kerana harga lebih mahal.

Gangguan bekalan beras di pasaran bermula selepas Padiberas Nasional Bhd (Bernas) mengumumkan pelarasan harga jualan beras putih import seluruh negara daripada RM2,350 satu tan kepada RM3,200 satu tan sejajar harga terkini beras putih import di pasaran antarabangsa.

TARIKH	KOSMO	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

Selangor tawar beras harga istimewa

SHAH ALAM - Sebanyak 2,700 kampak beras jenama Ehsan ditawarkan setiap hari kepada rakyat di Selangor di tujuh lokasi bermula pada Rabu.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS), Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata, beras dengan kuantiti lima kilogram (kg) itu dijual pada harga RM13 sekampak di premis jualan PKPS manakala di lokasi Jualan Ehsan Rahmah kekal pada harga RM10.

Ujarnya, langkah tersebut merupakan inisiatif kerajaan negeri dalam usaha membantu rakyat Selangor dan meringankan beban mereka yang terkesan akibat kenaikan harga beras.

"Kita juga mahu bantu kekalkan rantai bekalan makanan yang baik untuk rakyat supaya tiada pihak terjejas," katanya.

Isnin lalu, kerajaan memaklumkan akan melaksanakan Jualan Rahmah Beras dalam masa terdekat.

TARIKH	KOSMO	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

Stok ditambah elak berlaku kekecohan di FAMA, LPP



Mohamad (tengah) meninjau bekalan beras putih tempatan di Agrobazaar Kedai Rakyat di Jalan Kebun Tambahan, Seksyen 30 Shah Alam pada Khamis.

SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan segera berbincang dengan pengilang dan pemborong untuk menambah stok beras putih tempatan (BPT) ke cawangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ini bagi mengelakkan kekecohan seperti yang berlaku di Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan Bagan Datuk, Perak pada Rabu berulang.

Mengulas mengenai kekecohan tersebut, beliau memaklumkan bahawa dua daripada 35 cawangan FAMA yang menjual beras putih tempatan mengalami sedikit ke-

kecohan.

"Kekecohan berlaku disebabkan stok yang sampai ke premis tersebut tidak mencukupi sekali gus menyebabkan beberapa pelanggan tidak berpuas hati kerana telah menunggu lama," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau bekalan beras putih tempatan di Agrobazaar Kedai Rakyat milik usahawan bimbingan FAMA di Jalan Kebun Tambahan, Seksyen 30 di sini pada Khamis.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, beliau turut mengarahkan Bahagian Kawai Sella Padi Dan Beras (KPB) segera menghantar bekalan beras putih tempatan ke semua pasar raya supaya orang ramai tidak hanya tertumpu kepada FAMA dan LPP.

"Orang ramai juga dinasihatkan supaya beli beras ikut keperluan dan tidak simpan stok supaya lebih ramai pengguna dapat membeli beras."

"Saya dimaklumkan semalam (Khamis) ada pembeli yang menggunakan empat orang berbeza untuk membeli sehingga lapan kimpit beras 10 kilogram sedangkan dua kimpit 10 kilogram sudah cukup untuk kegunaan sekeluarga."

"Jangan khawatir kerana dari masa ke masa stok beras putih tempatan akan dihantar ke pasar raya dan bekalan dijangka kembali stabil dalam beberapa minggu lagi," katanya.

Beliau berkata, sehingga kini, FAMA telah mengedarkan 244 tan metrik BPT ke seluruh negara menerusi cawangan usahawan bimbingan FAMA.

TARIKH	KOSMO	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2023	NEW STRAITS TIMES	NATION	4

STAPLE FOOD SHORTAGE

'NO NEED TO PANIC-BUY RICE'

Minister advises people not to stock up on rice and to buy 'normal amounts'

HANA NAZ HARUN
SHAH ALAM
news@nst.com.my

AGRICULTURE and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said despite the temporary shortage of local white rice, there is no need to stock up rice at home.

He urged the public to continue buying rice at "normal amounts" following claims that there was panic buying of local white rice among consumers.

"If you buy more just to stock up because you heard that there will be no rice next month, then there will be shortages here and there."

He said this after conducting checks on the stock of local white rice at the Federal Agricultural Marketing Authority's (Fama) Agrobazaar at Kampung Jalan Kebun here yesterday.

Responding to a statement by the Consumers Association of Kedah on Wednesday refuting claims of panic buying, Mohamad said this was merely the

organisation's opinion.

"I am the minister. I have seen (incidences of panic buying) and received reports from my officers who have been carrying out their duties well."

He also said imported rice would be sold to business owners and restaurant operators at a wholesale price.

Businesses, he added, would only be allowed to buy a maximum of 10 bags of local white rice at supermarkets.

Mohamad said the purchase limit had been implemented since early September.

He also said the ministry had a list of short and long-term solutions to address the local white rice crisis, including the RM3 bil-

lion allocation to the Muda Agriculture Development Authority to improve the padi cultivation infrastructure.

"Even in Indonesia, President Joko Widodo made a special address to his people on the rising cost of rice in Indonesia. So this is a global phenomenon, not just in Malaysia."

"In the short term, we will try to intervene and ensure enough supply for Malaysians. In the long run, we hope all stakeholders will get involved to ensure sufficient stocks of rice in the country."

Later, in a statement, Mohamad said his ministry would discuss with rice manufacturers and wholesalers to increase the stock of local white rice at Fama and

Farmer's Organisation Authority (LPP) offices.

This was to prevent a repeat of the chaos during a purported "large-scale sale" of local white rice at Fama outlets in Kuala Pilah, Negri Sembilan, and Bagan Datuk, Perak, where there were insufficient stock.

People who came to the Kuala Pilah sale alleged that there were only 20 bags for sale.

"The commotion occurred due to insufficient stock reaching the outlet."

Mohamad said he had directed the Padi and Rice Regulatory Division to immediately discuss with manufacturers and wholesalers to increase the stock of local white rice to Fama and LPP.

TARIKH	KOSMO	RUANGAN	MUKA SURAT
22/9/2023	NEW STRAITS TIMES	NATION	4

Ministries taking steps to address issue

PUTRAJAYA: Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yesterday said the integrated enforcement activities under an operation code-named Op Jamin will continue to address and restore the shortage of rice supply promptly.

He said since its start on July 7, the operation had seen 37 inspections conducted, involving 2,322 manufacturing, wholesale and retail premises nationwide, with 142 complaints received related to rice supply and prices.

"The complaints included the very high price difference between local white rice (BPT) and imported white rice (BPI).

